



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpk.m.gov.my

SIARAN MEDIA

KUNJUNGAN HORMAT OLEH TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN KOPERASI THAILAND DI MALAYSIA KE ATAS MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

KUALA LUMPUR, 5 OKTOBER 2023 –Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan YB Datuk Seri Mohamad bin Sabu menerima kunjungan hormat daripada TYT Chaiya Promma, Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN Mengenai Pertanian dan Perhutanan (AMAF) serta Mesyuarat-Mesyuarat Berkaitan pada 4 Oktober 2023.

Ia merupakan pertemuan pertama antara Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dengan Timbalan Menteri Pertanian dan Koperasi Thailand bertujuan bagi membincangkan cadangan kerjasama dua hala dalam bidang pertanian antara kedua-dua negara.

Thailand bersedia untuk memperkukuhkan lagi perdagangan dua hala dalam bidang pertanian terutamanya dalam menyediakan bekalan beras kepada Malaysia demi menjamin keterjaminan makanan seluruh rakyat Malaysia.

Pada tahun 2022, nilai dagangan pertanian antara Malaysia dan Thailand telah mencatatkan peningkatan sebanyak 16.23% iaitu RM20.41 billion berbanding RM17.56 billion pada tahun 2021. Pertemuan dua hala ini secara tidak langsung menggambarkan kerjasama erat antara dua negara dalam usaha memastikan keterjaminan bekalan makanan diperingkat serantau dan Malaysia secara khusus.

Malaysia turut menjemput Thailand untuk menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan (MAHA) yang akan berlangsung pada tahun hadapan bagi mempromosikan produk-produk pertanian dan agromakanan semasa ekspo tersebut berlangsung yang mana ianya berpotensi menambah pelaburan dalam bidang pertanian di Malaysia.

Pertemuan ini turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Tuan Chan Foong Hin, Ketua Setiausaha, Datuk Lokman Hakim Ali dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
5 OKTOBER 2023